UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (UTMSPACE)

# e-buletin UTMSPACE

EDISI 33 / 2015




***16 Mac 2015, Prof. Madya Dr. Mustafa Din Subari telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif Kolej SPACE. Pihak UTMSPACE mengucapkan selamat datang kepada Dr. Mustafa Din Subari dan mengharapkan semua staf UTMSPACE dapat memberikan kerjasama kepada beliau.***

Kolej SPACE diuruskan oleh UTMSPACE Services Sdn. Bhd, sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh UTMSPACE. Kolej SPACE menawarkan program-program tempatan sendiri yang diiktiraf oleh Malaysian Qualifications Academy (MQA). Program yang ditawarkan termasuk Diploma Pengurusan Fasiliti, Diploma Pengurusan dan Diploma Sains Komputer.





# KUNJUNGAN GABENOR SUMATERA BARAT DAN ROMBONGAN KE UTMSPACE

*Pada tarikh 25 April 2015, UTMSPACE menerima kunjungan hormat daripada Gabenor Sumatera Barat, Indonesia. Rombongan seramai 11 orang telah tiba di Bangunan UTMSPACE, Johor Bahru tepat jam 10 pagi dengan diketuai sendiri oleh Gabenor Sumatera Barat iaitu Yang Berbahagia Profesor Dr Irwan Prayitno.*

Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Mohd Azraai bin Kassim, selaku Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE telah berbesar hati menyambut rombongan tetamu kehormat tersebut. Pengurusan UTMSPACE yang turut hadir adalah Pengarah Pusat Pembangunan Profesional, Profesor Madya Sr. Dr. Zakaria bin Mohd Yusof dan wakil daripada UTM iaitu Profesor Dr. Hadi Nur daripada Institut Ibnu Sina, dan wakil daripada Fakulti Alam Bina, Sr. Dr. Mohd Saidin bin Misnan.

Perbincangan dimulakan dengan pembentangan maklumat korporat UTMSPACE oleh Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE kepada Gabenor Sumatera Barat dan rombongannya. Tujuan utama lawatan ini adalah pemerintah Sumatera Barat ingin memahami dengan lebih dekat lagi peranan dan fungsi UTMSPACE sebagai institusi yang menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat. Adalah menjadi harapan Pak Gabenur supaya program-program anjuran UTMSPACE ini dapat dikembangkan ke Sumatera Barat. Untuk itu, satu cadangan untuk menandatangani MoU antara Pemerintah Sumatera Barat dengan UTM akan diadakan sebaik sahaja perincian program telah dipersetujui bersama nanti.

Antara permintaan dan cadangan daripada Gabenor Sumatera Barat adalah tentang penawaran dan pelaksanaan program yang sesuai dengan golongan yang bekerja (Profesional) terutamanya dalam bidang Teknologi Maklumat dan Kewangan. Mereka amat berminat dengan pelaksanaan dan pengalaman UTMSPACE dalam bidang pendidikan lanjutan khusus bagi mereka yang sedang bekerja.

Selain daripada itu, wakil dinas pendidikan dan kebudayaan Sumatera Barat bercadang untuk mengadakan kerjasama penawaran pelaksaan program antara SPACE Universitas Bung Hatta dan UTMSPACE. Mereka mengharapkan UTMSPACE dapat menyalurkan keperluan skil dalam bidang elektrikal dan mekanikal termasuk untuk SMK (Sekolah Menengah Kejuruan) di Sumatera Barat. Bidang-bidang lain yang diperlukan dan boleh dilaksanakan bersama adalah seperti bidang penyelenggaraan bangunan dan hotel serta tenaga mahir dalam bidang pembinaan.

Bagi program profesional, pihak Sumatera Barat meminta bantuan dalam pendidikan semi-profesional dan profesional bagi mempersiapkan pelajar di peringkat SMK dengan latihan praktikal dan juga latihan industri. Mereka berharap agar kursus-kursus yang dilaksanakan akan mendapat pengiktirafan bersama oleh kedua-dua Negara samada daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di Malaysia serta Lembaga Pembangunan Jasa Konstruksi (LPJK) di Indonesia.

Pihak UTMSPACE merakamkan ucapan terima kasih kepada rombongan julung kalinya dari Gabenor Sumatera Barat kerana sudi membuat lawatan ke UTMSPACE dan juga menjadikan UTMSPACE sebagai penanda aras dalam membangunkan bidang pendidikan lanjutan dan pembelajaran sepanjang hayat di sana.







# MAJLIS ANUGERAH DEKAN & HADIAH UTMSPACE SEMPENA KONVOKESYEN KE-54 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

*Pada 24 April 2015 (Jumaat) jam 2.30 petang bertempat di Dewan Sri Alam, Kolej Tun Fatimah UTM telah berlangsung Majlis Anugerah Dekan & Hadiah UTMSPACE sempena Konvokesyen Ke-54 Universiti Teknologi Malaysia. Majlis ini diadakan bagi meraikan graduan pengajian separuh masa UTMSPACE yang telah memperolehi keputusan cemerlang dalam akademik sepanjang pengajian.*

Sempena majlis Konvokesyen ke-54 UTM, seramai 491 graduan Pengajian Separuh Masa layak dianugerahkan. Pada majlis ini telah meraikan seramai 50 orang graduan yang akan menerima Anugerah UTMSPACE atas kejayaan mendapat Kelas Pertama. Turut diraikan Penerima Anugerah Akademik seramai 20 graduan yang telah mendapat PNGK 3.50 dan ke atas.

UTMSPACE juga berbesar hati memberikan Hadiah Khas UTMSPACE kepada graduan yang memenuhi kriteria kategori Veteran seramai 6 orang. Selain daripada itu, turut menerima hadiah adalah kategori Istimewa seramai 1 orang dan kategori Suami/Isteri seramai 6 pasangan yang berjaya bergraduan pada konvokesyen ke-54 UTM ini.

Majlis penyampaian anugerah Dekan ini telah disempurnakan penyampaian anugerah oleh Pengarah Urusan UTMSPACE. Turut serta memeriahkan majlis ini dengan kehadiran Dekan SPACE, Ketua Jabatan Program Luar, Pengurus-Pengurus dan Pegawai UTMSPACE serta ahli keluarga graduan yang diraikan.

Wakil graduan, Nur Aidil Adila binti Edrus yang merupakan graduan Kelas Pertama dalam program Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, diberi peluang untuk memberikan ucapan penutup majlis. Beliau mengucapkan terima kasih kepada UTM kerana program UTMSPACE ini telah membuka laluan kepada masyarakat untuk memperbaiki taraf pendidikan bagi golongan sibuk bekerja.

Semua penerima anugerah telah mengabadikan kenangan bersama Pengarah Urusan UTMSPACE, Dekan SPACE, Pengarah Pusat Pembangunan Profesional dan Ketua Jabatan Program Luar dalam sesi bergambar. Tahniah diucapkan kepada para graduan yang berjaya.













# MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA PROGRAM EKSEKUTIF UTMSPACE 2015

*Tarikh 27 April 2015, UTMSPACE meraikan seramai 730 graduan dari Program Eksekutif. Satu Majlis Penyampaian Diploma Program Eksekutif telah diadakan sempena Konvokesyen UTM kali ke-54 di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.*

Penganugerahan diberikan kepada graduan dari program Diploma Eksekutif dan program Diploma Profesional yang menyambung pengajian di 30 buah pusat pengurusan program UTMSPACE. Bilangan pusat pengurusan program telah meningkat daripada jumlah 24 pada tahun 2014, dan UTMSPACE berjaya menawarkan sebanyak 88 program Diploma Eksekutif dan Diploma Profesional.

Pada Majlis Penyampaian Diploma Eksekutif yang ke-8 ini, Y.Bhg Tan Sri Abdul Halim bin Ali, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah UTMSPACE, berbesar hati untuk menyampaikan diploma kepada para graduan. Majlis tersebut juga diiringi oleh Y.Bhg Profesor Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar, Naib Canselor UTM, Pengarah Urusan UTMSPACE, Y.Bhg Profesor Ir. Dr. Mohd Azraai bin Kassim, dan Dekan UTMSPACE, serta ahli-ahli akademik yang lain.

UTMSPACE mengucapkan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya dan selamat maju jaya dalam mengharungi cabaran di alam pekerjaan.

















# UTMSPACE OPEN DAY 2015

On 5th April 2015, UTMSPACE held their open day at UTMSPACE building Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. The program starts from 9 am until 5 pm in the main foyer.

In line with UTMSPACE motto "Learning is a journey, Experience it with UTMSPACE", UTMSPACE offers consulting service program, registration session and also free registration for all, subject to the terms and condition stated. This open day program offers variety of courses such as, Full Time Diploma programme, Executive Diploma programme, Local and International seminar programme, and English programme.

The main purpose for this Open Day program was to provide an opportunity for visitors, irrespective of age and still working, to continue their education to a higher level. With a proper and flexible courses schedule, it would facilitate individual interest in continuing their education despite working.

Among the benefits for student who enroll with UTMSPACE, students are able to meet personally and interact directly to their lecturer. These will increase their level of understanding for all sylibus and subjects. For students with working experience, they can share their experience with all other students. All of the programmes offered by UTMSPACE recognized by the professional bodies. The quality level of academic certificates owned by students are equivalent to the initial programmes offered Universiti Teknologi Malaysia.

There are many counters involved for UTMSPACE Open Day 2015. Our main counter is for customer service and also for UTMSPACE registration. Other counter involves Professional Programme counter, Executive Programme counter, Joint Programme counter and also Social Media counter. Most of the counter provides advise for each programmes offered by UTMSPACE. There are also many interesting gifts to give away for special visitors.

SPACE College wholly owned by UTMSPACE, which is a private college offers many Diploma programmes. Their main Diploma programme is Diploma in Facilities Management. One of the counter at UTMSPACE Open Day was conducted by SPACE College. They did give away 30 smartphones for every students who enroll at SPACE College. They also gave out advises to all student who are interested in continuing studies at SPACE College.

Over 100 guests click the 'Like' and 'Follow' button on UTMSPACE social media sites such as Facebook, Twitter and Instagram. Souveniers from UTMSPACE are given out to all visitors. Most of them gave feedbacks, suggestions, and complaints regarding UTMSPACE services.









# UTMSPACE JUMPING DAY 2015

*UTMSPACE Jumping Day 2015 telah diadakan pada 4 April 2015 di Jump Street Petaling Jaya. Acara ini adalah untuk meraikan semua peminat laman Facebook UTMSPACE yang sentiasa mengikuti perkembangan kami.*

Seramai 30 orang peserta daripada pelbagai peringkat usia dan latar belakang telah mendaftar. Program dimulakan seawal jam 11 pagi dengan taklimat daripada pegawai Jump Street. Para peserta telah diberi tunjuk ajar dan cara-cara sebenar untuk melakukan lompatan dan aktiviti lasak yang lain.

Terdapat 2 permainan berkumpulan yang telah berlangsung di sana iaitu 'Dodge Ball' dan 'Slam Dunk'. Para peserta telah mencuba pelbagai permainan yang disediakan oleh pihak Jump Street. Acara penyampaian hadiah menjadi penutup bagi aktiviti UTMSPACE Jumping Day 2015. Jamuan makan telah disediakan untuk semua peserta.

Maklum balas yang positif daripada semua peserta. Mereka sangat berpuas hati kerana dapat turut serta acara seperti ini. Mereka juga berharap UTMSPACE akan sentiasa membuat acara untuk peminat dan pengikut laman Facebook UTMSPACE.




UTMSPACE mengucapkan jutaan terima kasih di atas penglibatan semua pihak termasuklah peminat laman Facebook UTMSPACE dan juga staf UTMSPACE. Terima kasih!









# SELAMAT DATANG
## Ke Keluarga UTMSPACE



MERCY TRINOVIANTI BINTI MULYADI
Pengurus Besar
Pusat Pengajian Separuh Masa



NIK MARIA BINTI NIK MAHAMOOD
Pengurus Besar
Pusat Pengajian Diploma



NUR FATIN BINTI MOHD YUSOF
Kerani
Pusat Program Kerjasama

# SELAMAT MAJU JAYA
## Staf yang telah menamatkan perkhidmatan

| Bil | Nama | Tarikh Akhir Berkhidmat | Pusat/ Bahagian |
|---|---|---|---|
| 1 | Mohd Amar Adli Bin Mohamad Shoffian | 11 Mac 2015 | PPSM |
| 2 | Norfarhawa Binti Khairi | 19 Mac 2015 | BPB |
| 3 | Nurmasyela Binti Ab Malek | 26 Mac 2015 | PPSM |
| 4 | Norhaizal Bin Ramley | 30 Mac 2015 | BPHEA |
| 5 | Mohd Kamaludin Bin Mohd Areaf | 30 April 2015 | USKL |

# STAF YANG MENERIMA CAHAYA MATA – TAHNIAH !

NOR AIDAWATI BINTI NOR AZMAN
Anak Perempuan

ABD HAFIZ BIN ABD AZIZ & NOOR FAEZAH BINTI OSMAN
Anak Lelaki

NIK HUZAIRA BINTI HUSIN
Anak Lelaki

MAHMMOD BIN MHD AYUB
Anak Perempuan

NOR AZLIANA BINTI RAMALI
Anak Lelaki

NOR SHAHIDAH BINTI MOHAYADI
Anak Perempuan

MOHAMAD IDHAM BIN ISMAIL
Anak Perempuan

MOHD NAZRI BIN AHMAD
Anak Perempuan

MAZIAH BINTI IBRAHIM
Anak Perempuan

NURUL NADIA BINTI AZEHA
Anak Lelaki

SITI NOR A'IN BINTI SUPARLAN
Anak Perempuan

MOHD NOOR FAIROS BIN MOHD NAWAWI
Anak Lelaki

# STAF YANG BERKAHWIN – TAHNIAH !

| Bil | Nama | Pusat/ Bahagian |
|---|---|---|
| 1 | Haslina Binti Dayan | PPK |
| 2 | Fatin Eddayu Binti Azhan | BPB |
| 3 | Ahmad Syahir Bin Aminudin | USKL |

# KURSUS-KURSUS YANG TELAH DIANJURKAN UNTUK STAF

| Nama Kursus | Tarikh Mula | Jenis Kursus | Tempat |
|---|---|---|---|
| Kursus Pengurusan Sumber Manusia Yang Berkesan | 08-10 Mac 2015 | Dalaman | Bilik Seminar UTM |
| Kursus Perisian Sistem E-Pro Kewangan UTMSPACE - Modul Pengurusan Percukaian GST | 16-17 Mac 2015 | Dalaman | Pusat Latihan UTM |
| Transformasi Diri Dan Organisasi (Tangani Emosi Membina Integriti) | 17-18 Mac 2015 | Dalaman | Excel Training Resort, Bukit Broga Semenyih Selangor |
| Developing Actionable Key Performance Indicator (KPI) | 20-22 April 2015 | Wajib | Pusat Latihan UTM |
| Peningkatan Prestasi Pegawai Dengan Pendekatan Neuro-Semantic | 29-30 April 2015 | Dalaman | Bangunan UTMSPACE Kuala Lumpur |

SIDANG RIDAKSI

**EDITOR** | Farhan Khair bin Fawazul Khair **GRAFIK** | Maria Ahmad **FOTOGRAFI** | Syed Muhammad Hilmi bin Syed Yahya